

21 JUL 1996

Mohamed-Umno

JANGAN JAJA NAMA PRESIDEN DAN TIMBALAN PRESIDEN, KATA MOHAMED

JOHOR BAHRU, 21 Julai (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat mengingatkan mereka yang menawarkan diri untuk bertanding pada pemilihan parti Oktober ini supaya jangan menjaja nama Presiden dan Timbalan Presiden untuk mendapatkan undi.

Jangan menjual nama Presiden dan Timbalan Presiden semata-mata untuk mendapat pengaruh kerana kedua-dua pemimpin berkenaan bersikap berkecuali dalam pemilihan itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Pulau di sini, hari ini.

Mohamed berkata pendirian berkecuali itu sudah dimaklumkan kepadanya oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Mereka tidak akan campur tangan atau cuba mempengaruhi ahli tentang siapa yang hendak dipilih terutama bagi jawatan-jawatan penting seperti Naib Presiden, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita," kata beliau.

Pendirian berkecuali Dr Mahathir dan Anwar itu amat tepat sekali memandangkan kedudukan mereka sebagai Presiden dan Timbalan Presiden kekal sehingga tahun 1999, katanya.

Oleh itu, bagi pemilihan Naib Presiden, Umno menyerahkan sepenuhnya kepada ahli untuk menentukannya dan juga untuk memastikan tiada perpecahan berlaku memandangkan isu pemilihan itu hangat, katanya.

Mengenai kemungkinan berlakunya perbuatan politik wang pada saat-saat terakhir pemilihan, Mohamed berkata anggota parti harus ada kekuatan dalaman serta berpegang kepada prinsip bersatu, bersetia dan berkhidmat secara ikhlas sehingga jangan sampai disogok.

"Perbuatan seumpama ini tidak mudah ditelan oleh ahli parti jika mereka kembali kepada perjuangan asal Umno kerana keputusan yang dibuat bukan untuk diri sendiri tetapi untuk bangsa dan negara. Tidak sepatutnya ahli parti mudah disogok untuk menentukan masa depan negara dan parti," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata jika ada bukti sah berlakunya perbuatan rasuah dan pembelian undi, Jawatankuasa Disiplin tidak akan teragak-agak mengambil tindakan termasuk membatalkan pencalonan yang telah diterima oleh perwakilan bahagian.

"Ia tidak bermakna selepas bahagian mencalonkan, seseorang calon itu layak 100 peratus. Kalau ada perbuatan yang dilaporkan serta terdapat bukti sahih, mereka boleh dibatalkan. Kita memandang berat masalah ini kerana kita mahu mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih," katanya.

Mohamed juga berkata tidak perlu untuk memanggil Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasat jika berlaku politik wang kerana ia masalah parti dan ahli patut menolak mereka yang menggunakan wang untuk mencari pengaruh.

Mengenai terdapatnya iklan di akhbar-akhbar daripada anggota parti, beliau berkata Majlis Tertinggi (MT) sudah membuat teguran mengenai perkara itu dan cara berkempen kini seolah-olah sudah menjadi seperti iklan menjual rokok.

Menurut beliau, adalah tidak wajar perkara itu dilakukan kerana jika seseorang pemimpin itu baik serta berkeupayaan, mereka tidak perlu menggunakan cara-cara yang menggelirukan.

"Orang kampung sudah tahu siapa yang baik dan yang tak baik, ahli pun sudah menimbang siapa yang menyalahgunakan kuasa, yang main politik wang dan yang mulut tak baik. Kalau orang sudah tahu, mereka sepatutnya berhati-hati dan menunjukkan kebaikan."

Mohamed juga berkata Ibu Pejabat Umno berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat-mesyuarat perwakilan setakat ini yang dilaksanakan dengan aman

serta menepati syarat dan peraturan.

MT telah melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusi Tan Sri Mustapha Jabar untuk mengendalikan pemilihan kali ini dan beliau berharap jawatankuasa itu akan bermesyuarat awal bulan depan untuk menentukan cara serta peraturan proses pemilihan agar berjalan bersih dan teratur, katanya.

Senarai nama calon yang dibentangkan pada mesyuarat perwakilan bahagian untuk penerimaan akan diserahkan kepada jawatankuasa berkenaan yang akan membuat tawaran kepada calon-calon sama ada hendak terus bertanding atau tidak.

Mohamed berkata jawatankuasa itu akan menghantar surat rasmi dan calon-calon mesti menjawab sama ada bersetuju menjadi calon atau tidak.

"Kalau ada yang hendak menarik diri, mereka boleh membuatnya selepas surat tawaran rasmi untuk bertanding itu dikeluarkan oleh ibu pejabat pada bulan September," katanya. -- BERNAMA

MKO PR